



IKLAN JAWATAN KOSONG LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mempelawa Warganegara Malaysia (**keutamaan diberi kepada rakyat DYMM Sultan Selangor**) yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut :

Bil.	Skim Perkhidmatan	Bayaran Perkhidmatan	Taraf Lantikan	Kekosongan
1	Pekerja Sambilan Harian bertaraf Diploma	RM72.00 Sehari	Kontrak (Minimum ; 3 Bulan)	1
2	Pekerja Sambilan Harian bertaraf Sijil Pelajaran Malaysia	RM54.00 Sehari	Kontrak (Minimum ; 3 Bulan)	1

SYARAT LANTIKAN

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan:
 - (i) lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu (1) peperiksaan; atau
 - (ii) lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.
 - (d) Sijil/ Diploma dalam bidang kejuruteraan awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

- (e) keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki lesen memandu Kelas B2/D yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] serta mempunyai kenderaan sendiri; dan
- (f) sihat tubuh badan.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

TEMPOH PERKHIDMATAN

- (3) Tempoh perkhidmatan PSH hendaklah tidak melebihi tiga (3) bulan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan perkhidmatan, tempoh berkenaan boleh dilanjutkan oleh Ketua Jabatan sehingga maksimum tiga (3) bulan lagi.

SYARAT PERMOHONAN

- (4) Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima serta tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan akan ditolak.
- (5) Hanya calon yang ditapis-senarai akan dipanggil untuk temuduga. Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ini ditutup adalah dianggap tidak berjaya.
- (6) Pihak Lembaga tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang perbelanjaan calon untuk proses temuduga jika berkaitan.

NOTA

- (7) Kemasukan segera

ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP PERMOHONAN

- (8) Permohonan yang lengkap beserta resume hendaklah dihantar kepada alamat emel seperti berikut :

nafisah@luas.gov.my

**SEBELUM ATAU PADA JAM 12.00 TENGAH HARI 15 JANUARI 2021
(JUMAAT)**